

Zaharah digugur

BH 15 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Ahad - Sembilan Ketua Perhubungan Wanita Umno negeri termasuk Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, digugurkan dalam rombakan barisan kepemimpinan pergerakan itu yang diumumkan hari ini.

Hanya tiga Ketua Perhubungan Wanita Umno negeri dikekalkan, iaitu Mastika Junaidah Husin (Perlis), Saripah Aminah Syed Mohd (Pulau Pinang) dan Datuk Napsiah Omar (Negeri Sembilan) manakala kedudukan Ainon Khariyah Mohd Abas (Perak), belum diputuskan.

Tempat Siti Zaharah sebagai Ketua Perhubungan Wanita Umno Pahang diambil alih oleh Pengemsi Jawatan-kuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal-

ehwal Wanita Pahang, Maznah Mazlan.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pertama Wanita Umno selepas Perhimpunan Agung Umno yang berakhir semalam, Ketua pergerakan

Umno sebagai penyokongnya atau penyokong Siti Zaharah melainkan sebagai ahli Umno.

"Itu senarai negatif, ini senarai positif," katanya merujuk andaian pihak yang membandingkan senarai kepemimpinan lama dengan baru.

Ditanya sama ada pengguguran Siti Zaharah akan mengugut usaha menyatupadukan semula ahli pergerakan itu, Rafidah berkata perpaduan Wa-

nita Umno tidak bergantung kepada jawatan tetapi niat setiap ahli.

"Menyatu padu tak perlu dengan proses, menyatu padu

- Pak Lah sedia pikul tugas tambahan - Muka 2
- Formula Umno Perak raih lima kerusi MT - Muka 4
- Perpecahan bukan punca calon Sabah tewas - Muka 4

itu, Datuk Seri Rafidah Aziz, bagaimanapun menolak andaian bahawa pengguguran Siti Zaharah mempunyai unsur membalas dendam.

Katanya, beliau tidak menganggap mana-mana pemimpin atau ahli Wanita

LIHAT MUKA 2, RUANG 6

Rafidah minta dua wakil Wanita dalam MT

DARI MUKA 1 BH 15 MAY 2000

dengan hati. Saya dulu pun tidak menjadi ketua wanita apa-apa pun, tetapi tak juga cerai berai, jalan juga kerja," katanya.

Pada pemilihan Wanita Umno Rabu lalu, Rafidah mengalahkan Siti Zaharah dengan kelcbihan 12 undi untuk merampas kembali jawatan yang terlepas kepada Siti Zaharah pada pemilihan 1993 dengan perbezaan

27 undi.

Mengenai kegagalan lima calon Wanita memenangi jawatan Majlis Tertinggi, Rafidah berkata beliau sudah mengutus surat kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta beliau melantik sekurang-kurangnya dua wakil wanita.

"Saya serah kepada Dr Mahathir untuk menentukan-nya," katanya sambil me-

nambah tiada nama ahli Wanita tertentu dikemukakan kepada Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar itu, Rafidah juga mengumumkan pelantikan Senator Faridah Abu Hassan sebagai Setiausaha, Azizah Samad sebagai Bendahari dan Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin sebagai Ketua Pengerangan. Pengerusi 20 biro pergerakkan itu juga dilantik.